

**Spektrum Bersama Intan Nur Elliana Zakaria**

# Taman Arnab Bukit Badong



SEJAK memulakan operasi pada Februari 2009, Taman Arnab Bukit Badong, Batang Berjuntai, Selangor tidak pernah sunyi dengan gelak ketawa kanak-kanak dan ibu bapa yang berkunjung ke situ.

Manakan tidak, taman yang diuruskan One Stop Rabbit Farm and Trading (OSRFT) itu dipenuhi arnab yang menjangkau jumlah 1,200 ekor.

Pemiliknya, Ismail Padil berkata, ladang itu memulakan penternakan dengan 150 arnab baka daging yang berasal dari luar negara.

"Memandangkan adanya permintaan ladang kami juga menternak 30 arnab baka perhiasan mulai Julai 2009 dan sehingga November 2009 jumlah arnab di ladang kami sudah menjangkau 1,200 ekor," katanya.

Antara baka arnab pedaging ialah New Zealand White, Chinchilla, Dutch, Flemish Giant dan English Spot manakala baka perhiasan merangkumi Angora, Lion Head, Holland Lops dan Netherland Dwarf.



**1. COMEL...**baka arnab perhiasan di Taman Arnab Bukit Badong.

**2. JINAK...**pengunjung, Nur Balqis Amanina Zakaria, 19, tidak melepaskan peluang bermain dengan arnab perhiasan dari baka luar negara.

**3. GEBU...**kecomelan arnab di Taman Arnab Bukit Badong menyebabkan ia tidak pernah sunyi dengan kedatangan pengunjung.

**4. BAKA ARNAB...**OSRFT yang menguruskan Taman Arnab Bukit Badong turut membekalkan baka arnab.

**5. TUMPUAN KANAK-KANAK...**pengunjung di kalangan kanak-kanak mengambil kesempatan memberi makan arnab jinak di Taman Arnab Bukit Badong.

**6. BAKA LUAR NEGARA...**antara baka arnab luar negara di Taman Arnab Bukit Badong.





